

30/03/1997

50,000 hadir di Lubok Jong

KUALA LUMPUR: Kira-kira 50,000 rakyat pelbagai kaum menyertai perhimpunan Gerakan Setia Bersama Rakyat (Semarak) peringkat kebangsaan yang dilancarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lubok Jong, Rantau Panjang, Kelantan pada 6 Mac 1988.

Majlis pelancaran diadakan dengan penuh adat istiadat apabila 1,500 pulut semangat dan sirih junjung diarak sepanjang jalan mengiringi kedatangan Perdana Menteri bersama kira-kira 100 pemimpin seluruh negara.

Semarak kedua diadakan di Sungai Batu Pahat, Perlis pada 10 April dan Kampung Gajah, Perak menjadi destinasi ketiga Semarak pada 15 April 1988.

Di setiap negeri, perhimpunan Semarak mendapat sambutan rakyat untuk mendengar amanat dan menemui pemimpin mereka. Di Kedah, Dr Mahathir diarak 63 Proton Saga dan 63 pembawa bunga sebagai melambang usia Perdana Menteri pada 27 Ogos 1988.

(END)